

**TAHAP PENGETAHUAN ISLAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBENTUKAN
JATI DIRI BANGSA MELAYU DI MALAYSIA**

Ahmad Munawar Ismail¹

ABSTRAK

Hakikat keadaan dan keupayaan manusia dari semua aspek sebenarnya adalah sangat lemah. Situasi ini hanya boleh berubah apabila potensi yang ada dalam diri manusia itu digembleng dan keupayaan manusia dipertingkatkan secara konsisten dan bersepadu melalui pendidikan dan pengetahuan yang mendalam mengenai Islam. Pendidikan Islam merupakan proses mendidik, melatih dan membentuk seluruh potensi yang wujud dalam diri manusia Islam dengan kerangka Islam yang bersepadu berasaskan prinsip-prinsip wahyu. Hal ini sekali gus dapat membentuk jati diri dan modal insan yang memiliki nilai-nilai yang dinamik dan keistimewaannya yang tersendiri. Artikel ini ditulis berasaskan satu kajian telah dilaksanakan bagi melihat secara empirikal data-data yang menunjukkan hubungan antara nilai-nilai dinamik yang ada dalam diri bangsa Melayu dan hubungannya dengan nilai-nilai Islam yang telah diperolehi melalui pendidikan Islam di Malaysia. Kertas kerja ini yang berasaskan rekabentuk kajian kuantitatif ini bertujuan mengenal pasti sejauh manakah tahap pengetahuan Islam bangsa Melayu di Malaysia. Kajian yang menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual ini melibatkan seramai 587 orang responden terdiri daripada belia-belia yang berkelulusan sarjana muda dan ke atas dan belia-belia yang tidak memiliki kelulusan akademik di peringkat pengajian tinggi di Malaysia. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan min dan sisihan piawai. Secara keseluruhan, hasil analisis kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Islam responden adalah sangat tinggi di kedua-dua peringkat. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan Islam di Malaysia telah memberi kesan yang signifikan sekurang-kurangnya kepada penyerapan nilai-nilai-nilai asas Islam seperti akidah, syariah dan akhlak kepada belia Melayu di Malaysia.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Pengetahuan Islam, Jati Diri, nilai, bangsa Melayu.

PENDAHULUAN

Pendidikan berasal dari perkataan didik yang merujuk kepada maksud mengajar (Kamus Dewan 2002:350) mengasuh (Abdullah dan Ainon 1995:56-57), atau *tarbiyyah* (Abdullah Ishak 1995:5) atau dalam bahasa arab bermaksud satu proses pengisian diri, pembentukan disiplin dan pengintelektualan generasi muda (al-Attas 1992:27) atau satu proses meningkatkan dan memaksimumkan peranan fizikal, mental dan akhlak manusia ke arah yang benar-benar sempurna (Abdullah 1995:4-5) atau satu proses di mana generasi muda dipelihara, di subur dan

¹ Ahmad menawar Ismail, Pensyarah Kanan Jabatan Usuluddin & falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, menawar@ukm.edu.my

disemai (J.A Simpson dan E.S.C. Weiner 2004:74), diindoktrinisasikan dan diberikan *input* ilmu untuk membentuk perkembangan dan pembinaan akhlak yang baik (Halsted 2004:522).

Dalam Islam, huraian pendidikannya sangat luas dan bersepadu, merangkumi seluruh cara hidup manusia. Kurikulumnya datang daripada Allah, mengandungi aspek-aspek seperti akidah (kepercayaan), syariah (undang-undang) ibadah (pekerjaan), akhlak (tingkahlaku), sains, teknologi, sosiologi, politik, ekonomi dan lain-lain. Ia merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat dalam satu disiplin yang lengkap (Syed Muhammad Qutb 1992:40). Al-Attas (1992:26-27) berpendapat, *ta'dib* adalah istilah yang paling tepat bagi menggambarkan konsep pendidikan dalam Islam kerana adab jelasnya merangkumi maksud ilmu dan amal sekaligus dan akhlak pula adalah tujuan pengetahuan. Ia melibatkan tindakan untuk mendisiplinkan jiwa dan fikiran daripada melakukan sebarang bentuk penyelewengan yang boleh membawa kepada kehilangan kehormatan sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan daripada Humaid bin Abdurrahman r.a. mengatakan bahawa ia mendengar daripada Muawiyah berkhotbah katanya, yang bermaksud;

Dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Barang siapa dikehendaki Allah akan beroleh kebaikan, diberiNya pengertian dalam hal-hal agama.²

Dari aspek objektif, pendidikan dalam Islam bertujuan mencipta manusia yang baik, baik dalam erti kata memiliki akhlak yang terpuji, iaitu manusia yang secara material dan spiritualnya insaf terhadap tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak, manusia yang memahami dan menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya, yang terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai insan adabi, iaitu insan yang sentiasa berusaha menanamkan kualiti kebaikan yang diterima dalam seluruh aspek kehidupan, atau, manusia yang menjalani keseluruhan hidupnya secara murni dan jujur berasaskan etika keislaman (Al-Attas 1997; Hasan 1997:7). Kenyataan ini juga adalah berasaskan perjanjian akidah (ruhaniyah) yang telah dibuat secara kolektif antara individu dengan Tuhan-Nya sebelum manusia dilengkapi dengan bentuk jasmaniah, iaitu pengakuan manusia pada pertanyaan Allah dalam firman Allah, dalam surah al-'Araf ayat 172 yang bermaksud,

² Al-Bukhari, Abi Abdillah bin Muhammad bin Ismail, 1997, hlmn 20. *Sahih al-Bukhari*, kitab al-'ilm bab al-'ilm qabl al-Qaul wa al-'amal, hadis no. 10

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): - Bukankah Aku Tuhan Kamu?|| Mereka semua menjawab: - Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: - Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini³.

Di negara Malaysia, pendidikan dalam Islam boleh dikatakan pelopor kepada semua sistem pendidikan yang pernah wujud di Malaysia (Abdullah Ishak 1995:126; Sufean Husin 1993:2). Kurikulum pendidikan Islam lazimnya meliputi aspek-aspek asas dalam Islam seperti akidah, syariah dan akhlak (Ghazali 2001:289-290). Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai lazimnya dalam tiga bentuk, iaitu, syarahan (kuliah), hafalan dan halakah. Kaedah-kaedah ini diindoktrinisasikan daripada kaedah pengajaran yang menjadi amalan Rasulullah s.a.w., Sahabat dan ulama silam. Sehingga kini, pendidikan Islam di Malaysia diberi taraf yang istimewa dan dijadikan teras dalam semua komponen pendidikan seperti kurikulum, pengukuran dan penilaian. Semuanya dibentuk dan dilaksanakan dengan tujuan meningkatkan keyakinan kepada kekuasaan mutlak Allah. Matlamatnya adalah untuk membangunkan modal insan yang seimbang dan membentuk serta membangunkan akhlak dan jati diri yang cemerlang khususnya di kalangan belia-belia Melayu. Nilai-nilai murni yang berasaskan komponen-komponen asas Islam telah diserapkan ke dalam semua mata pelajaran, pembelajaran dan pengajaran agar setiap mata pelajaran dapat sama-sama mendukung cita-cita Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN) dan sekali gus membantu mendukung pembangunan pendidikan Islam. Amalan dan pelaksanaan ini adalah wajar memandangkan komponen tersebut adalah aspek paling utama dalam kehidupan seseorang Islam. Ia berfungsi sebagai dasar dan nadi terpenting bagi pembinaan Islam secara keseluruhan. Kepastian keutamaan memahaminya telah disebut di dalam al-Quran dan al-Hadis, antaranya, firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 19-20 yang bermaksud,

Apakah mereka yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan haji dan menguruskan Masjid al-Haram, kamu samakan dengan mereka yang beriman kepada Allah dan

³ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. (Kuala Lumpur: Darul Fikir dengan izin dan di bawah kawalan Jabatan kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pusat Islam Malaysia. 2001)

Hari Kemudian serta berjihad di jalan Allah? Mereka tidak sama di sudut Allah; dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum Muslimin yang zalim. Mereka yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sudut Allah; dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.

dan dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim⁴ yang bermaksud,

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., katanya seseorang bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: Amal bagaimana yang paling utama? Jawab Nabi s.a.w. Iman dengan Allah. Tanya nya pula, Kemudian apa lagi? Jihad fi Sabilillah. Tanya nya pula, Kemudian apa lagi? Jawab Rasulullah s.a.w. Haji yang Mabruur.

ISLAM DAN PEMBENTUKAN JATI DIRI BANGSA MELAYU

Ahli-ahli sejarah telah menceritakan bahawa sebelum kedatangan penjajah Barat ke Tanah Melayu, masyarakat di alam Melayu telah mempunyai tamadun dan intelektual yang tinggi dan cemerlang (Zainal 2005: 11). Walau bagaimanapun kecemerlangan dan ketinggian ini masih kabur, tidak memiliki identiti tersendiri atau tidak mempunyai asas perpaduan dan jati diri yang dapat membezakannya dengan rumpun bangsa yang lain. Kedatangan dan kemasukan Islam ke Tanah Melayu yang membawa bersama nilai-nilai universal Islam telah menjadikan sebahagian besar penduduk Melayu di rantau ini menemui hala tuju dan asas jati diri yang sebenar iaitu agama Islam yang kekal sehingga kini. Malah, penetapan asas jati diri Islam ini telah diakui di kalangan *academia* yang membahagikan ras bangsa masyarakat dunia kepada lima jenis; *Caucasian* (kulit putih), *Negroid* (kulit hitam), *Mongolian* (kulit kuning), *Red Indian* (kulit merah), dan *Melayu Polynesia* (kulit sawo matang). Dalam kerangka pembahagian ini, ras Melayu telah digunakan dengan merujuk kepada tiga elemen utama, iaitu pertama, beragama Islam, kedua, mendiami kawasan Nusantara, dan ketiganya, mengamalkan sosio-budaya dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya (Muhammad Yusoff 1992: 1-3).

Punca utama yang menyebabkan masyarakat Melayu, memilih Islam sebagai asas jati diri kemelayuan telah dilihat oleh kebanyakan sarjana moden antara lainnya adalah kerana kesucian

⁴ Muslim 2000. *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab Bayan Kaun al-Iman bi Allah Taala Afdal al-Amal, hadis no. 248

dan kesempurnaan ajaran Islam itu sendiri yang boleh dijelaskan dengan beberapa penerangan (Rahimin Affandi 2005: 20-21);

1. Ajaran Islam amat bersesuaian dengan psikologi dan mentaliti masyarakat Melayu yang mengamalkan cara hidup yang lemah lembut dan bersifat alami (menghormati keharmonian alam).
2. Sifat ajaran Islam yang mudah difahami, rasional dan sesuai dengan fitrah manusiawi berbanding dengan agama lain.
3. Cakupan agama Islam tidak bersifat perkauman yang terhad kepada sesuatu bangsa semata-mata, tetapi merangkumi kesemua ras manusia sedunia yang dibina di atas asas persaudaraan (ukhuwah). Asas persaudaraan ini juga tidak menerima segala bentuk pembahagian kasta manusia yang mengakui semua manusia adalah sama martabatnya di sisi Allah.

Dalam hal ini, Al-Attas (1972: 56) berpendapat, Islam lah yang telah memperkenalkan dunia Melayu kepada budaya ilmu dan pemikiran rasional yang menolak faham tahyul dan mitos. Islam jugalah yang memperkenalkan dunia Melayu kepada dunia luar, baik timur mahupun barat, sehingga memungkinkan bangsa Melayu mengadun, menempa dan membina sebuah kesultanan yang cukup masyhur dalam sejarah. Islam juga yang telah menyempurnakan faham keperibadian sendiri, mengemaskinkan Faham Kebangsaan Melayu dan menjadi faktor pemersatuan (*the unifying force*) orang-orang Melayu di rantau ini. Tidak dapat dinafikan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada peneguhan jati diri di kalangan masyarakat Melayu adalah kerana sifat kesucian dan kesyumulan Islam itu sendiri yang penuh dengan pelbagai sumber dan prinsip bagi menjana perkembangan hidup manusia ke arah yang lebih baik. Agama Islam mempunyai ciri asas yang sangat unggul dan sangat istimewa. Keunggulan dan keistimewaan ciri tersebut, sebagaimana yang di nukil daripada Khurshid Ahmad (1981: 8-19), ia merangkumi tujuh perkara iaitu:

1. Cara hidup yang sempurna
2. Kesejagatan dan kemanusiaan
3. Mudah, rasional dan praktikal
4. Perpaduan antara kebendaan dan kerohanian
5. Keseimbangan antara individu dan masyarakat
6. Mengandung unsur tetap dan berubah
7. Ajaran yang terpelihara

Jelasnya, Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan bangsa Melayu di Malaysia. Tanpa Islam, tidak memiliki hala tuju yang benar dan jelas dalam menikmati kehidupan. Sifat fitrah yang ada dalam Islam yang selari dengan fitrah manusia menjadikan pemilihan Islam sebagai asas jati diri ini bangsa Melayu suatu yang menguntungkan. Ini adalah kerana semangat perpaduan (*internationalism*) dalam kalangan umat Melayu telah bersatu di bawah kerangka akidah, ummah dan ukhuwah yang bukan hanya terhad kepada lingkungan kawasan dan sejarah alam Melayu semata-mata bahkan turut membabitkan kesemua umat Islam seluruh dunia dari setiap zaman dengan warisan tamadun yang tinggi (Rahimin 2000: 18-19). Justeru, satu kajian telah dilaksanakan untuk mengenal pasti sejauh manakah tahap pengetahuan Islam kalangan belia Melayu di Malaysia dan sejauh manakah pengetahuan ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan jati diri mereka.

Metode Penyelidikan

Kajian ini telah menggunakan kajian tinjauan. Satu set instrumen soal selidik yang terdiri daripada item-item yang dipilih dari penelitian terhadap ulasan kepustakaan atau ulasan karya telah dibina dan diuji kesahan muka dan kesahan kandungan melalui kajian rintis, analisis faktor dan semakan panel pakar. Populasi dan sampel responden pula adalah terdiri dari dua kategori iaitu sampel belia yang bekerja tanpa ijazah dan belia yang bekerja dengan ijazah. Lokasi yang dipilih adalah seluruh Malaysia. Kedua-duanya telah dipilih secara *convenience*. Jumlah responden yang terlibat adalah 587 orang. Pengumpulan data melalui instrumen soal selidik telah dilaksanakan mengikut prosedur dan teknik statistik deskriptif dan dianalisis menggunakan SPSS.

Secara keseluruhan seramai lima ratus dan lapan puluh tujuh orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut 60.3% daripadanya adalah wanita manakala 39.7% adalah responden lelaki. Kebanyakan responden berumur sekitar 26 hingga 30 tahun (35.9%), diikuti dengan 21 hingga 25 tahun (24.2%), 31 hingga 35 tahun (20.4%) dan akhir sekali 36 hingga 40 tahun (19.5%). Dari kesemua jumlah di atas, 40.9% daripadanya adalah pemegang ijazah manakala selebihnya adalah bukan pemegang ijazah iaitu kira-kira 59.1%.

Analisis terhadap tahap pengetahuan Islam responden menunjukkan tahap pengetahuan responden mengenai Islam adalah tinggi iaitu dengan nilai skor min keseluruhan min=4.64. Analisis dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden wanita 20.1% didapati lebih tinggi berbanding tahap pengetahuan Islam responden lelaki. Dalam hal yang berkaitan, analisis dapatan turut memaparkan bahawa responden yang bukan pemegang ijazah 17.1% lebih tinggi pengetahuan Islam mereka berbanding responden dari kalangan pemegang ijazah.

Selain dari ujian deskriptif, ujian korelasi Pearson turut digunakan bagi menjawab objektif kajian. Menurut Chua (2006), dalam sesuatu kajian, jika subjek dipilih secara rawak dari populasinya, ujian signifikan akan digunakan untuk menganalisis data dan membuat inferensi kepada populasi. Analisis korelasi kemudiannya akan menunjukkan sama ada kekuatan signifikan atau tidak supaya ia dapat digeneralisasikan kepada populasinya. Mengambil kira hal tersebut, kajian ini turut menggunakan ujian pekali korelasi Pearson untuk menguji sejauh mana kekuatan hubungan antara pemboleh ubah pengetahuan Islam dengan pemboleh ubah jati diri. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan korelasi antara pemboleh ubah pengetahuan Islam responden dengan pemboleh ubah jati diri adalah lemah iaitu ($r=0.49$). Pekali korelasi (r) yang ditunjukkan di atas adalah berdasarkan nilai r yang mempunyai sela antara +1.00 dan -1.00. Oleh kerana korelasi yang sempurna sukar diperolehi dalam penyelidikan maka pekali korelasi di atas dilaporkan dalam dua titik perpuluhan seperti jadual di bawah,

Saiz pekali korelasi (r)	Kekuatan korelasi
0.91 hingga 1.00 / 0.91 hingga -1 .00	Sangat kuat
0.71 hingga 0.90 / 0.71 hingga - 0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 / 0.71 hingga - 0.7	Sederhana
0.31 hingga 0.50 / 0.31 hingga - 0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30 / 0.01 hingga - -0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada korelasi

Kesimpulan dari keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Islam belia Melayu di Malaysia adalah sangat tinggi. Dapatan kajian ini sejajar dengan kehendak ajaran Islam yang meletakkan pengetahuan Islam pada kedudukan yang sangat penting. Usaha untuk memperoleh dan mencapai pengetahuan Islam bukan sekadar minat atau keperluan bahkan adalah satu arahan yang mutlak dari Allah kepada seluruh umat Islam (Wan Mohd Nor 1989). Dalam hal ini Imam al-Ghazali menegaskan keutamaan, kepentingan dan kemuliaan orang yang memiliki pengetahuan ini telah disebut berulang kali di dalam al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. dan hal ini jelas apabila Allah meletakkan kedudukan orang yang memiliki pengetahuan pada kedudukan yang ketiga selepas diri-Nya dan malaikat (al-Ghazali 1939). Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Imran, ayat 18 yang bermaksud,

Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilanNya, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

dan dalam surah al-Mujadalah, ayat 11 yang bermaksud,

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain), maka lapangkan lah seboleh-bolehnya, supaya Allah melapangkan (serba-serbinya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) – beberapa darjat, Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan. Diangkat oleh Allah orang-orang yang beriman daripada kamu dan orang-orang yang diberi ilmu dengan beberapa tingkat.

dan pada surah al-Zumar, ayat 9 yang bermaksud,

(Engkaulah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapakan rahmat Tuhannya?! Katakanlah lagi kepadanya: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?! Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

Al-Zubaydi (1989) dalam menjelaskan maksud Imam al-Ghazali pada firman Allah ini menyatakan, *ishtishhad* Imam al-Ghazali dalam menghuraikan keutamaan memiliki pengetahuan ini adalah kemuliaan kepada mereka yang memiliki ilmu tauhid atau ilmu akidah. Menurut Al-Sya'rawi (1991) dan Al-Zubaydi (1989), ayat 18 pada surah al-Imran di atas, menunjukkan hubungan yang kuat antara penyaksian Allah ke atas keesaan diri-Nya sendiri dan penyaksian manusia ke atas diri-Nya. Penyaksian Allah terhadap keesaan diriNya itu mestilah disaksikan atau diiktiraf bersama oleh seluruh manusia melalui satu proses aku janji (*iqamah*) dan pengajaran dan pembelajaran (proses *taclim*) supaya keesaan Allah ini dapat diakui, diiktiraf, diyakini dan di imani secara spirituail dan penghayatannya melalui praktikal (*tatbiq*) atau penghayatan akhlak (Al-Sya'rawi 1991; Al-Zubaydi 1989).

Analisis dapatan kajian selanjutnya turut menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Islam belia Melayu di Malaysia mempunyai kadar signifikan yang lemah atau menghampiri sederhana dengan nilai jati diri yang ada pada diri mereka. Dapatan ini menunjukkan jati diri Melayu tidak banyak dipengaruhi oleh pengetahuan mereka terhadap Islam sebaliknya terdapat faktor lain yang lebih kuat yang boleh merangsang dan mempengaruhi tingkah laku belia Melayu di Malaysia.

Walau bagaimanapun pengetahuan Islam (meskipun mempunyai kaitan yang lemah) tetap memberi sumbangan dan mempunyai peranan penting dalam memastikan jati diri Melayu khususnya nilai-nilai Islam kekal dan terpelihara. Dalam hal perkaitan dan hubungan antara pengetahuan Islam dan pembentukan jati diri individu ini, Al-Qardhawi (1990) berpendapat, pengetahuan Islam adalah petunjuk jalan yang membimbing ke arah pembentukan iman yang sempurna. Hanya manusia yang memiliki pengetahuan Islam sahaja mampu menjelaskan secara

jujur bahawa di sebalik alam yang nyata ini ada kekuatan yang lebih tinggi, yang mengatur dan menyusunnya, memelihara segala sesuatu dengan ukuran dan perhitungan. Mohd Ali (1992) menyatakan ukuran akidah seseorang Muslim diukur menurut kepatuhannya dan perlaksanaannya terhadap perintah-perintah imannya. Menurutnya, manusia yang sempurna adalah manusia berupaya mendisiplinkan amalan dan tingkah laku dirinya tunduk kepada imannya kepada perintah dan larangan Allah. Al-Bayanuni (2003) menyatakan, akidah bukan sekadar lafaz di mulut bahkan mesti diusahakan sehingga membuahkan akhlak yang baik kerana akidah dan akhlak yang baik itu adalah bersepadu. Tidak akan sempurna akidah seseorang tanpa disertai akhlak yang baik dan sempurna. Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 65 yang bermaksud,

Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)!, mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

Dalam hal ini juga, Nik Aziz (1998) berpendapat, kekuatan agama adalah satu daripada empat kekuatan asas yang harus dikuasai oleh individu bagi membersihkan jiwa, fikiran dan perlakuan daripada melakukan sebarang perkara yang tidak bermanfaat. Pendapat ini disokong oleh pendapat Tajul Ariffin (2002) yang menjelaskan, pembentukan individu Islam mesti dimulakan dengan pembinaan kekuatan agama khususnya akidah kerana kekuatan ini akan menerbitkan akhlak yang baik untuk diserapkan ke dalam bidang-bidang kognitif, afektif dan psikomotor. Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian yang telah dibuat oleh Ab Halim et al. (2004) yang mengambil pandangan pelajar tentang mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam dapatan kajiannya, pelajar-pelajar didapati sedar bahawa pelajaran agama memberi kesan ke atas pembangunan diri mereka. Pelajar berpendapat, mata pelajaran pendidikan Islam hendaklah diwajibkan kepada semua pelajar kerana ia mampu membentuk akhlak dan tingkah laku yang baik. Secara tidak langsung ia mampu menjadi pertahanan yang ampuh dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, petunjuk-petunjuk yang boleh dilihat melalui pemerhatian terhadap hasil analisis dapatan kajian menggambarkan bahawa peranan Islam sebagai pemangkin kepada kemantapan jati diri belia Melayu di Malaysia semakin terhakis. Meskipun dapatan deskriptif mengenai tahap pengetahuan Islam mereka (responden) adalah tinggi namun dapatan tersebut tidak menunjukkan hubungan yang kuat dengan jati diri atau dalaman diri mereka. Sebaliknya terdapat faktor yang lebih signifikan yang telah mengambil alih peranan pengetahuan Islam dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku belia Melayu Islam di Malaysia. Dapatan ini amat membimbangkan dan dilihat selari dengan suasana dan senario sosial semasa. Selain itu, dapatan kajian ini juga dilihat menguji sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam dalam membentuk modal insan yang berkualiti yang menepati ciri-ciri yang dikehendaki dalam falsafah pendidikan Islam dan falsafah pendidikan negara. Justeru, satu kajian lanjutan perlu segera dilaksanakan khusus dalam menilai semula sistem pendidikan sedia ada dari semua aspek untuk memastikan bahawa sistem pendidikan yang telah dan akan dilaksanakan benar-benar menepati kehendak dan aspirasi al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

RUJUKAN

Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1980. *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Management of Malaysia (ABIM).

Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Terj. Shamsuddin Jaapar. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1972. *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu: Suatu Mukaddimah Mengenai Peranan Islam Dalam Peradaban sejarah Melayu-Indonesia dan Kesannya Dalam Sejarah Pemikiran, Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Penerbit. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab Halim Tamuri. 2004. *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Bangi : Fakulti Pendidikan UKM & Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Abdullah Ishak. 1995. *Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1994. Kamus peribahasa kontemporari. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Al-Bayanuni, Ahmad 'Izzuddin. 2003. Petunjuk akidah ahli sunnah wal al-Jamaah. Terj. Hasnan Kasan. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Al-Bukhari, Abi Abdillah bin Muhammad bin Ismail. 1997. Sahih al-Bukhari. Al-Riyadh: Dar al-Salam.
- Chua Yan Piaw. 2006. Kaedah penyelidikan. Malaysia: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. 2006. Kaedah dan statistik penyelidikan, asas statistik penyelidikan. Malaysia: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad. 1939. Ihya 'ulum al-Din. Juz. 1. Misr; Matbach Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad. 2001. Khuluq al-Muslim. Al-Iskandariah: Dar al-Dakwah li al-Tabiei wa al-Nasyr wa al-Tauzi'i.
- Hassan Langgulung. 1997. Asas-asas Pendidikan Islam. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulung. 2002. Peralihan paradigma dalam pendidikan Islam dan sains sosial. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama.
- J.A Simpson & E.S.C. Weiner. 2004. The oxford english dictionary. 2nd edition. Volume 4. (Dvanda-Follis). Oxford:Clarendon Press.
- Kamus Dewan. 2002. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khurshid Ahmad. 1966. Prinsip-prinsip pendidikan Islam. Surabaya: penerbit Pustaka Progresif.
- Khurshid Ahmad. 1981. Islam: Prinsip Dasar dan Kerakteristiknya, Bandung: Perpustakaan Salman ITB.
- Muslim, Imam Abi al-Husayn bin Muslim. 1997. Sahih Muslim. al-Riyadh: Dar al-Salam.
- Muslim, Imam Abi al-Husayn bin Muslim. 2000. Sahih Muslim. al-Riyadh: Dar al-Salam.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1992. Pensejarahan Melayu: Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara. Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Aziz Nik Pa. 1998. Menangani masalah sosial di kalangan remaja. Jurnal Kebajikan Masyarakat 20 (2):1-10.

**Tahap Pengetahuan Islam Dan Hubungannya Dengan Pembentukan
Jati Diri Bangsa Melayu Di Malaysia**

e-ISSN : 2289-8042

Ahmad Munawar Ismail

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

Al-Qardhawi, Yusuf. 2000. Ciri-ciri unggul masyarakat Islam yang kita idamkan. Terj. Mohammad Zaini Yahya. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.

Al-Qardhawi, Yusuf. 2001. Fi Fiqh al-Aulawiyat dirasah jadidah fi dhau al-Quran wa al-Sunnah. Bayrut: Muassasah al-Risalah.